



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

| | |
|-----------|-----------------|
| Newspaper | Utusan Malaysia |
| Date | 6 October 2015 |

Najib: Tumpuan saya Bajet 2016

Um - 6/10/2015

SEPANG 5 Okt. - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, beliau akan menumpukan perhatian kepada Bajet 2016 selepas dua minggu berada di luar negara atas urusan rasmi.

"Alhamdulillah baru tiba di KLIA. Saya berada di luar negeri selama dua minggu untuk urusan rasmi. Fokus saya seterusnya ialah pada Bajet 2016," katanya menerusi Twitter miliknya sejurus tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini hari ini.

Dalam pada itu lebih 1,000 orang hadir di Kompleks Bunga Raya, KLIA menyambut kepulangan Perdana Menteri, selepas menamatkan urusan rasminya di luar negara sejak 24 September lalu.

Sebahagian besar kehadiran terdiri daripada ahli-ahli akar UMNO akar umbi serta komponen Barisan Nasional (BN) dan tidak terkecuali pemimpin-pemimpin UMNO serta parti komponen pelbagai peringkat.

Perdana Menteri tiba di kompleks tersebut kira-kira pukul 9.55 pagi dengan menaiki pesawat khas sambil ditemani isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, barisan Kabinet serta pengurusan kanan kerajaan turut berada di kompleks itu bagi menyambut Perdana Menteri.

Najib pulang selepas mengadakan lawatan kerja tiga hari di Milan bertujuan meningkatkan lagi hubungan dua hala antara Malaysia dan Itali sejurus menghadiri sesi ke-70 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) di New York, Amerika Syarikat.

Para penyokong yang hadir membawa sepanduk-sepanduk memaparkan pelbagai kata-kata semangat serta sokongan tidak berbelah-bahagi kepada kepimpinan Najib.

Turut kelihatan, sokongan terhadap komitmen Perdana Menteri dalam memperjuangkan nasib rakyat Palestin dan Syria ketika berucap pada sesi perbincangan UNGA, Khamis lalu.

Antaranya seperti 'Selamat Pulang Wira Negara dan Keamanan Sejagat'; 'Perdana Menteri Kami Bersamamu'; 'Najib Razak Pejuang Keadilan Terhadap Palestin dan Umat Islam'; 'Allah Selamatkan Najib, Allah Selamatkan Palestin' dan 'PM Najib Help Palestine, Save Syrian Refugees, We Are With You'.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein ketika ditemui berkata, kehadiran ahli-ahli UMNO dan parti komponen itu jelas memperlihatkan sokongan mereka terhadap Najib sebagai Perdana Menteri serta ketua parti.

"Alhamdulillah, rata-rata sokongan datang daripada peringkat akar umbi dan orang boleh membuat macam-macam tuduhan serta kritikan tetapi akhirnya kekuatan kita datang daripada sokongan mereka (akar umbi)," katanya.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Rahman Dahlan pula menyifatkan sambutan yang diterima oleh Perdana Menteri itu sebagai satu isyarat bahawa tahap sokongan ahli-ahli parti masih kuat.

Justeru beliau yang juga Pengarah Komunikasi Strategik Barisan Nasional (BN) mengingatkan mana-mana pihak supaya tidak cuba mengganggu kestabilan UMNO dan BN.

"Inilah isyarat yang dihantar oleh mereka yang hadir pada hari ini. Apabila Perdana Menteri berada pada kedudukan yang kuat, sudah tentu beliau mampu menangani isu ekonomi dengan lebih mantap," ujarnya.

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Dr. Mohd. Salleh Tun Said Keruak pula berkata, kehadiran para pemimpin BN dan anggota jemaah menteri di kompleks itu merupakan simbolik sokongan tidak berbelah-bahagi mereka terhadap Najib untuk terus menerajui negara dan BN.

"Ini menunjukkan Perdana Menteri masih mendapat sokongan parti. Inilah juga masanya untuk kita bersatu, bermuafakat dalam kita sedang melalui banyak cabaran," katanya.